



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOPERATIF DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH RENDAH

NURUL 'AIN BINTI SAFFAR ULLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOPERATIF
DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH
RENDAH

NURUL 'AIN BINTI SAFFAR ULLAH

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI SENI, KELESTARIAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 13 (hari bulan) 8 (bulan) 2024

i. Perakuan pelajar :

Saya, NURUL `AIN BINTI SAFFAR ULLAH, P20162001696, FAKULTI SENI, KELESTARIAN & INDUSTRI KREATIF dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOPERATIF DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH RENDAH adalah hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya PROF MADYA DR MOHD ZAHURI BIN KHAIRANI / DR CHE ALEHA BINTI LADIN mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOPERATIF DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN SENI SEKOLAH RENDAH dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah.

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOPERATIF
DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH
RENDAH.

No. Matrik / Matric's No.: P20162001696

Saya / I : NURUL 'AIN BINTI SAFFAR ULLAH

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



DEDIKASI

**Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang
Teristimewa Buat Abah Yang Tersayang:**

Buat Abah, Hj. Saffar Ullah Bin Hj. Abd Satar

Terima kasih di atas doa restumu, kasih sayangmu, penat lelah pengorbananmu
membesarkanku, mendidikku dan nasihatmu sentiasa kekal disanubari.

Al-Fatihah, semoga Abah tenang disana. Doaku sentiasa untukmu .





PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim, Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana limpah kurniaNya, kajian ini dapat dilaksanakan dan disiapkan dengan baik. Kejayaan ini tidak mungkin tercapai tanpa sokongan dan pengorbanan daripada suami Abd Manaf Bin Bejau yang sentiasa berada disisi. Begitu juga buat anak-anak tersayang Auni, Amni dan Ammar terima kasih kerana menjadi anak-anak yang sangat baik dan selalu memahami. Sekalungan terima kasih juga buat Emak, Hj. Siti Muslimah Binti Hj. Mohd Amin di atas doa restu yang diberikan bagi mempermudah segala urusan dalam proses menyiapkan kajian ini. Buat Kakak, Zaharatunnisa binti Saffar Ullah dan Abang, Saiful Adli bin Saffar Ullah terima kasih atas doa, sokongan dan motivasi kalian bagi diri ini. Setinggi-tinggi sanjungan dan penghargaan ditujukan kepada Penyelia Utama Profesor Madya Dr. Mohd Zahuri Bin Khairani, Penyelia Bersama Dr. Che Aleha Binti Ladin dan tidak lupa juga kepada mantan Penyelia Utama, Professor Dr. Md Nasir Bin Ibrahim serta mantan penyelia kedua iaitu Professor Madya Dr. Halim Hussain atas tunjuk ajar, memberi sokongan dan motivasi dan semangat dalam menyelesaikan kajian ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua informan kajian yang terlibat secara langsung atau tidak langsung kerana telah memberi kerjasama dan komeitmen kepada saya untuk melengkapi penyelidikan ini. Tidak lupa juga kerjasama yang diberikan oleh pihak pentadbir dan pengurusan tertinggi, yang sangat membantu mendapatkan data kajian. Akhir sekali tidak dilupakan sahabat-sahabat yang banyak membantu susah senang sepanjang penyelidikan ini dijalankan, Dr. Suraya, Dr. Norlaila, Dr. Kamaruddin dan Pn Hani. Terima Kasih kerana memahami dan meluangkan masa bersama bagi menyelesaikan penyelidikan ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan pengajaran dan pembelajaran koperatif dalam kalangan guru Pendidikan Seni Visual sekolah rendah. Secara khususnya, kajian ini juga dijalankan untuk mengukuhkan instruksional guru terhadap perancangan, pelaksanaan dan pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif yang sesuai semasa proses pembelajaran dilaksanakan serta implikasi aktiviti pembelajaran koperatif terhadap murid pendidikan seni visual. Penerapan pembelajaran koperatif dalam diri murid adalah penting untuk meningkatkan kreativiti murid, mengembangkan keterampilan sosial murid dan pembelajaran lebih mendalam. Kajian ini menggunakan kajian kualitatif dan informan yang terlibat adalah enam orang guru Pendidikan Seni Visual. Semua informan adalah pengajar daripada empat buah Sekolah Rintis Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) fasa pertama, di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), yang terletak dalam daerah Johor Bahru. Pengutipan data dilaksanakan dengan menggunakan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Analisis data secara tematik melalui penghuraian, pentafsiran dan rumusan data dilakukan dengan meneliti tema, sub-tema dan soalan kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa guru mempunyai kompetensi instruksional yang baik. Dari segi proses pelaksanaan pembelajaran koperatif, ia diperkenalkan oleh guru secara kreatif melalui pemilihan kaedah, strategi dan teknik pembelajaran yang bersesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah. Dapatan kajian juga menunjukkan aktiviti pembelajaran koperatif memberi kesan yang positif terhadap kemenjadian murid dalam konteks 6C iaitu pemikiran kritis, pemikiran kreatif, kolaborasi, komunikasi, karakter dan kenegaraan. Ia sejajar dengan hasrat KPM untuk memperkasakan PAK21 melalui pembelajaran berpusatkan murid. Kajian ini memberi implikasi terhadap pengetahuan dan kaedah instruksional guru agar lebih kreatif dan inovatif dalam merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran koperatif agar memberi kesan terhadap kemenjadian murid. Diharapkan kajian ini dapat dijadikan panduan dan penambahbaikan kepada guru atau bakal guru dari segi penulisan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) khususnya aktiviti pembelajaran koperatif yang berlandaskan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) khususnya mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah.



THE EFFECTIVENESS OF COOPERATIVE TEACHING AND LEARNING AMONG PRIMARY SCHOOL VISUAL ARTS EDUCATION TEACHERS

ABSTRACT

This study aims to examine the effectiveness of cooperative teaching and learning among primary school Visual Arts Education teachers. This study is particularly conducted to strengthen the teacher's instructional on the planning, implementation and selection of appropriate cooperative learning activities during the learning process as well as the implications of cooperative learning activities on the students of visual arts education. The implementation of cooperative learning within students is important to increase their creativity, develop their social skills and deepen their learning. This study employed a qualitative study and the informants involved were six Visual Arts Education teachers from four 21st Century Learning Pilot Schools (PAK21) of the first phase, under the Malaysian Ministry of Education (MoE), situated in a district in Johor Bahru. The data collection was conducted through interviews, observations and document analysis. The thematic data analysis through data elaboration, interpretation and summarization by examining themes, sub-themes and research questions. The research findings revealed that the teachers have good instructional competence. In terms of the cooperative learning implementation process, it was introduced creatively by the teachers through the selection of appropriate learning methods, strategies and techniques in the teaching and learning of Visual Arts Education in primary schools. The findings further revealed that cooperative learning activities have a positive effect on students' development in the context of the 6Cs that are critical thinking, creative thinking, collaboration, communication, character and nationhood. This is in line with desire MoE to empower PAK21 through student-centered learning. This study gives the implications to the knowledge and instructional methods of teachers to be more creative and innovative in planning and implementing the cooperative teaching and learning in order to give an impact on the development of students. It is hoped that this study can be used as a guide and an improvement to teachers or future teachers in writing the daily lesson plans (RPH), especially cooperative learning activities based on the Assessment Curriculum Standard Document (DSKP), especially for primary school Visual Arts Education subjects.



ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
DEDIKASI	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	6
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Tujuan Kajian	16
1.5	Objektif Kajian	17
1.6	Persoalan Kajian	17
1.7	Kerangka Konseptual	18
1.8	Definisi Operasional	21
1.8.1	Pembelajaran Koperatif	21
1.8.2	Aktiviti Pembelajaran Koperatif	22
1.8.3	Pembelajaran Abad Ke-21	22
1.8.4	Pendidikan Seni Visual	23
1.8.5	Kompetensi Instruksional Guru PSV	23
1.8.6	Konsep 6C Dalam Pembelajaran Murid	24
1.9	Batasan Kajian	24



1.10	Kepentingan Kajian	26
1.11	Rumusan	30
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pendahuluan	31
2.2	Konsep Pembelajaran Abad Ke 21 (PAK21)	32
2.3	Perkembangan Pembelajaran Koperatif di Malaysia Dan Negara-Negara Maju	34
2.4	Konsep Pembelajaran Koperatif	41
2.4.1	Prinsip Asas Pembelajaran Koperatif	44
2.4.2	Perbezaan Pembelajaran Koperatif dan Pembelajaran Kolaboratif	49
2.4.3	Jenis-Jenis Pembelajaran Koperatif	53
2.4.3.1	Kumpulan Koperatif Formal	54
2.4.3.2	Kumpulan Koperatif Tidak Formal	54
2.4.3.3	Kumpulan Asas Koperatif	55
2.4.4	Pembelajaran Berasaskan Aktiviti-Aktiviti Koperatif	56
2.5	Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Seni Visual	59
2.6	Pembelajaran Koperatif Dalam Pendidikan Seni Visual	65
2.7	Teori, Model dan Kerangka Bidang Pendidikan Yang Berkaitan.	67
2.7.1	Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky	68
2.7.2	Model Koperatif Student Teams-Achievement Divisions (STAD) (1995)	71
2.7.3	Model KSSR Pendidikan Seni Visual (PSV) Sekolah Rendah	72
2.7.4	Kerangka SGM 2.0	74
2.8	Konsep 6 C Dalam Pembelajaran Bermakna	76
2.9	Kerangka Teoritik Kajian	77
2.10	Rumusan	81
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	82
3.2	Reka Bentuk Kajian	83

3.2.1	Falsafah Kajian	84
3.2.2	Rekabentuk Kajian Kualitatif	85
3.2.3	Justifikasi Pemilihan Pendekatan Kajian Kualitatif	88
3.2.4	Reka Bentuk Kajian Kes	89
3.2.5	Justifikasi Pemilihan Rekabentuk Kajian Kes	91
3.3	Informan Kajian	94
3.4	Kaedah Pengumpulan Data Kajian	99
3.4.1	Temu Bual	100
3.4.1.1	Justifikasi Pemilihan Temu Bual	102
3.4.2	Pemerhatian	105
3.4.2.1	Justifikasi Pemilihan Pemerhatian	108
3.4.3	Analisis Dokumen	111
3.4.3.1	Justifikasi Pemilihan Analisis Dokumen	112
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	115
3.6	Triangulasi	119
3.7	Prosedur Pengumpulan Data Kajian	123
3.7.1	Sebelum Proses Pengumpulan Data	123
3.7.2	Semasa Proses Pengumpulan Data	125
3.7.3	Selepas Proses Pengumpulan Data	127
3.8	Tatacara Penganalisan Data	127

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	134
4.2	Latar belakang Profil Informan	135
4.2.1	Kes 1	136
4.2.2	Kes 2	137
4.2.3	Kes 3	138
4.2.4	Kes 4	139
4.2.5	Kes 5	140

4.2.6	Kes 6	141
4.3	Kompetensi Instruksional Guru Dalam Menjalankan Pembelajaran Koperatif Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah	144
4.3.1	Orientasi Ilmu	146
4.3.1.1	Kursus / Bengkel	146
4.3.1.2	Bahan Bacaan	152
4.3.1.3	Media Sosial	153
4.3.2	Pemahaman Konsep	155
4.3.2.1	Takrif Pembelajaran Koperatif	155
4.3.2.2	Perbezaan Pembelajaran Koperatif dan Pembelajaran Kolaboratif	157
4.3.2.3	Aktiviti dan Istilah Pembelajaran Koperatif	161
4.3.3	Perancangan awal Pengajaran dan Pembelajaran	166
4.3.3.1	Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi (DSKP)	166
4.3.3.3	Rancangan Pelajaran Harian (RPH)	169
4.3.3.4	Penguasaan Isi Kandungan	173
4.3.4	Pelaksanaan Sumber Pengajaran dan Pembelajaran	183
4.3.4.1	Bahan Bantu Mengajar (BBM) / Alat Bantu Mengajar (ABM)	184
4.3.4.2	Teknologi dan Internet	187
4.3.4.3	Peralatan dan Ruang Belajar	191
4.3.4.4	Pembahagian Kumpulan	195
4.3.5	Pentaksiran Pengajaran dan Pembelajaran	198
4.3.5.1	Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	199
4.3.5.2	Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)	202
4.4	Proses Pelaksanaan Aktiviti Pembelajaran Koperatif Pendidikan Seni Visual	204
4.4.1	Set Induksi	207



4.4.2	Aktiviti Pembelajaran Koperatif Mengikut Standard Kandungan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Seni Visual (PSV) Sekolah Rendah	213
4.4.2.1	Standard Kandungan Persepsi Estetik / Modul Bahasa Seni Visual	213
4.4.2.2	Aplikasi Seni / Modul Kemahiran Seni Visual	219
4.4.2.3	Ekspresi Kreatif / Modul Kreativiti dan Inovasi Seni Visual	228
4.4.2.4	Apresiasi Seni / Modul Apresiasi Seni Visual	230
4.5	Implikasi Aktiviti Pembelajaran Koperatif Terhadap Kemenjadian Murid Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah	241
4.5.1	Pemikiran Kritis	242
4.5.2	Pemikiran Kreatif	245
4.5.3	Kolaborasi	250
4.5.4	Komunikasi	257
4.5.5	Karektor	262
4.5.6	Kenegaraan	268
4.6	Rumusan	270
BAB 5	PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	
5.1	Pendahuluan	274
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	275
5.2.1	Kompetensi Instruksional Guru Dalam Menjalankan Pembelajaran Koperatif PSV	276
5.2.2	Pelaksanaan Aktiviti Pembelajaran Koperatif Semasa Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual	282
5.2.3	Implikasi Aktiviti Pembelajaran Koperatif Terhadap Kemenjadian Murid PSV Sekolah Rendah	288
5.3	Implikasi Kajian	292
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	296
5.5	Penutup	297
	RUJUKAN	299
	LAMPIRAN	306





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Prinsip Pembelajaran Koperatif	45
2.2	Analisis DSKP dan Bidang Kegiatan Pendidikan Seni Visual, DSKP Cetakan 2015	61
2.3	Analisis DSKP dan Bidang Kegiatan Pendidikan Kesenian, DSKP Cetakan 2017	61
2.4	Bidang Kegiatan dan Aktiviti Pendidikan Kesenian Tahun Satu, DSKP Cetakan 2017	62
2.5	Bidang Kegiatan dan Aktiviti Pendidikan Kesenian Tahun Dua, DSKP Cetakan 2017	62
2.6	Bidang Kegiatan dan Aktiviti Pendidikan Kesenian Tahun Tiga, DSKP Cetakan 2017	63
2.7	Bidang Kegiatan dan Aktiviti Pendidikan Kesenian Tahun Empat, DSKP Cetakan 2015	62
2.8	Bidang Kegiatan dan Aktiviti Pendidikan Seni Visual Tahun Lima, DSKP Cetakan 2015	64
2.9	Bidang Kegiatan dan Aktiviti Pendidikan Seni Visual Tahun Enam, DSKP Cetakan 2015	64
3.1	Rumusan Informan, Jawatan dan Bidang Akademik	99
3.2	Tarikh Pelaksanaan Temu Bual Bersama Informan	105
3.3	Tarikh Pelaksanaan Pemerhatian Bersama Informan	109
3.4	Matrik antara Soalan Kajian, Kaedah Pengumpulan Data Serta Analisis dan Kesahan Data	132
4.1	Demografi Jantina dan Umur Informan	142
4.2	Perbandingan Latar Belakang Informan 1 hingga Informan 6 dari segi Pengkhususan Universiti, Tahap Pendidikan, Kelayakan Ikhtisas, Jawatan Yang Pernah Disandang serta Pengalaman Mengajar	143



**SENARAI RAJAH****No.Rajah****Muka Surat**

1.1	Kerangka Konseptual. Diadaptasi dari Smith & Keith, 1971 dalam Miles & Huberman, 1994:21	20
2.1	Model KSSR Pendidikan Seni Visual. Diadaptasi dari Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran, 2019	73
2.2	Kerangka Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0). Diadaptasi dari Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023	75
2.3	Kerangka Konsep 6C Pembelajaran Bermakna. Diadaptasi dari Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2022	76
2.4	Kerangka Teori Kajian	80
3.1	Reka bentuk kajian. Diadaptasi dari Creswell (2009)	84
3.2	Proses Kajian Kualitatif. Diadaptasi dari Bryman (2008)	87
4.1	Dapatan Tema Kompetensi Instruksional Guru Dalam Menjalankan Pembelajaran Koperatif	145
4.2	Tema Pelaksanaan Proses Aktiviti Koperatif PAK21	206
4.3	Tema Implikasi Aktiviti Koperatif Terhadap Kemenjadian Murid PSV	242





SENARAI SINGKATAN

BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
BSPS	Buku Standard Prestasi Sekolah
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
GPDB	Guru Paling Popular Bestari
IOT	<i>Internet of Things</i>
JN	Jemaah Nazir
JNJK	Jemaah Nazir Jemah Kualiti
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPNJ	Jabatan Pendidikan Negeri Johor
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPPK	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LADAP	Latihan Dalam Perkhidmatan
PAK21	Pembelajaran Abad Ke 21
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PK	Pembelajaran Koperatif
PKS	Pendidikan Kesenian
PLC	Professional Learning Community / Komuniti Pembelajaran Profesional





PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PSV	Pendidikan Seni Visual
SGM2.0	Standard Guru Malaysia 2.0
SPLG	Sistem Pendidikan Latihan Guru



SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Kelulusan Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah
- B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah Negeri Johor
- C Borang Persetujuan Responden
- D Surat Pelantikan Pakar Rujuk Instrumen
- E Soalan Temu bual Informan
- F Senarai Semak Pemerhatian
- G Borang Kebenaran Peserta Kajian
- H Gambar Aktiviti Murid-Murid
- I Projek Akhir Seni Murid-Murid



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Dalam abad ke-21, kita telah menyaksikan pelbagai perubahan yang berlaku dengan pantas. Dalam usaha untuk menyesuaikan diri dengan transformasi semasa iaitu pada sistem pendidikan di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu siap siaga dengan perubahan yang berlaku. Semua ahli psikologi dan sosiologi telah melakukan banyak penyelidikan dan sumbangan kepada pembaharuan dalam amalan pedagogi untuk menghasilkan mutu pendidikan yang lebih tinggi iaitu peringkat antarabangsa. Semua negara di dunia mempunyai matlamat dan cara yang tersendiri untuk menjadikan pendidikan negara mereka bertaraf antarabangsa. Fokus utama yang perlu dititikberatkan dalam transformasi sistem pendidikan ini adalah pendidik atau tenaga pengajar khususnya para guru di institut-institut pendidikan.



Di Malaysia, pengajaran guru yang bertunjangkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) merupakan penanda aras keberkesanan pendidikan abad ke-21 yang telah dinyatakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2014 iaitu selaras dengan transformasi pendidikan negara di dalam Pelan Pembangunan Malaysia 2013-2025 (Kamarudin, 2020).

Konsep pendidikan abad ke-21 menuntut guru untuk sentiasa memperbaiki mutu pengajaran agar relevan dengan senario pendidikan masa kini yang semakin mencabar. Dalam era globalisasi yang pesat, pencapaian murid menjadi matlamat utama dalam bidang pendidikan agar dapat melahirkan modal insan yang mampu bersaing di peringkat global. Oleh itu, keberkesanan pengajaran hanya akan terhasil apabila guru bijak menggunakan pelbagai strategi dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran dan kecekapan guru dalam menggunakan strategi pengajaran yang bersesuaian sangat mempengaruhi keberkesanan dalam menyampaikan pengetahuan dan kemahiran kepada murid sewaktu proses pengajaran berlangsung (Nahar, Safar, & Razak, 2020).

Tidak dinafikan bahawa proses pelaksanaan transformasi pendidikan memerlukan pendekatan, strategi dan teknik yang kreatif di dalam pengajaran dan pembelajaran agar setiap murid mampu memiliki dan menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21. Salah satu daripada pendekatan dan strategi tersebut ialah pendekatan berpusatkan murid iaitu pembelajaran koperatif.

Istilah pembelajaran koperatif berasal dari bahasa Inggeris iaitu "*Cooperative Learning*," yang bermaksud kerjasama dalam pembelajaran (Harifah et al., 2022). Pembelajaran koperatif (PK) dapat didefinisikan sebagai pendekatan berpusatkan kepada murid dalam pengajaran dan pembelajaran, di mana murid diberikan peluang untuk berfikir secara aktif dan terlibat dalam latihan dan perbincangan bersama tentang dalam kumpulan kecil dua atau lebih pelajar untuk mencapai matlamat pembelajaran yang pasti dan dikongsi (Chen, 2022; Lu & Smiles, 2022).

Pembelajaran koperatif juga merupakan pendekatan yang efektif yang digunakan untuk memupuk sesuatu pembelajaran (Camara, 2020) dan kemahiran berfikir secara kritis. (Erdogan, 2019). Pembelajaran koperatif secara meluas juga telah diiktiraf sebagai amalan pedagogi yang mempromosikan hubungan sosial dan pembelajaran di kalangan murid dari pra sekolah hingga peringkat pengajian tinggi. Ia melibatkan murid bekerja bersama untuk mencapai matlamat bersama atau menyelesaikan tugas berkumpulan iaitu matlamat dan tugas yang biasanya tidak dapat diselesaikan secara individu (Romeo Jr, 2021).

Menurut Ghaith (2018), pembelajaran koperatif berteraskan kepada kerja berpasukan, saling perlu memerlukan secara positif di mana, setiap murid di dalam kumpulan bertanggungjawab terhadap tugas sendiri, malah turut mengambil berat terhadap tugas rakan di dalam kumpulan bagi menentukan kejayaan diri dan kumpulannya. Pembelajaran koperatif telah didapati sebagai alat pengajaran yang berkesan dalam pelbagai mata pelajaran. Pembelajaran koperatif kini telah menjadi bentuk pengajaran dan pembelajaran yang aktif dan popular diaplikasikan di institusi-institusi akademik (Zamri Mohamod, 2014)

Selain itu juga, kaedah pengajaran yang berpusatkan murid di mana guru menggalakkan murid dengan pelbagai kebolehan untuk bekerja dalam kumpulan kecil untuk meningkatkan pemahaman mereka terhadap mata pelajaran dan mendorong mereka berinteraksi serta bekerjasama untuk mencapai matlamat bersama (Chan, 2020). Guru akan mendapatkan pengetahuan daripadanya dan dapat menggunakan ilmu tersebut.

Tambahan pula, pembelajaran koperatif merupakan satu kaedah instruksional di mana murid digalakkan untuk berusaha menyelesaikan tugas secara berkumpulan untuk memaksimumkan pembelajaran demi mencapai satu matlamat (Namaziandost, et al., 2019). Menerusi pembelajaran koperatif, murid dapat berinteraksi secara bersemuka bukan sahaja di bilik darjah, bahkan boleh menjalankan interaksi bersemuka di rumah atau di mana-mana sahaja menggunakan komputer dan telefon (Hairia'an dan Dzainudin, 2020). Selari dengan perkembangan dan perubahan teknologi yang semakin canggih, kemahiran dalam pengaplikasian pendidikan moden dan inovatif harus seiring dengan pendidikan abad ke-21 (Göçen et al., 2020).

Kajian lepas oleh Andrews (2022) menyatakan bahawa pembelajaran koperatif telah dikenal pasti sebagai salah satu strategi pengajaran yang telah digunakan oleh guru sebagai suatu interaksi aktif di antara pelajar melalui pembahagian tugas dalam kumpulan, interaksi terhadap murid, sesuatu peranan dan tugas tertentu kepada murid, pemprosesan kumpulan tugas, dan pembangunan kemahiran sosial sebagai hasil interaksi koperatif. Untuk melaksanakan pembelajaran koperatif yang berkesan, murid memerlukan masa untuk berbincang bersama rakan-rakan. Walaupun tahap penguasaan

seseorang murid amat baik, kemahiran komunikasi yang lemah akan memberi kesan kepada kejayaan pasukan.

Pembelajaran koperatif ini sentiasa mendapat perhatian oleh guru-guru dalam pemilihan strategi PdPc di sekolah bagi semua mata pelajaran termasuk mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV). Walaupun kajian terhadap pembelajaran ini bukan satu bidang yang baharu dijalankan oleh para sarjana, tetapi kajian terhadap aktiviti pembelajaran koperatif PSV masih kurang dan memerlukan kajian yang mendalam (Azlan, 2019). Terdapat puluhan aktiviti pembelajaran koperatif yang boleh diaplikasikan di dalam PdPc tetapi yang sesuai dengan PdP PSV masih perlu diperhalusi lagi. Sepuluh aktiviti pembelajaran koperatif yang telah di cadangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk diaplikasikan semasa PdPc mengikut kreativiti guru-guru. (Rashidi Othman, 2020).

Kajian ini adalah untuk mengkaji pelaksanaan guru melalui aktiviti pembelajaran koperatif PAK21 dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Seni Visual (PSV) di sekolah rendah. Kajian ini juga adalah untuk mengukuhkan kompetensi instruksional guru terhadap perancangan, pelaksanaan dan pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif yang sesuai semasa proses pembelajaran dilaksanakan berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum Prestasi (DSKP) PSV. Bab ini juga membincangkan pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif, persoalan, batasan kajian, kerangka konseptual kajian dan batasan kajian.



1.2 Latar Belakang Kajian

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPP) 2013-2025 merupakan pelan transformasi pendidikan ke arah menyediakan pendidikan abad ke-21. PPPM perlu dibangunkan kerana membantu sistem pendidikan negara bertindak sebagai kreativiti dan penjana inovasi yang bertindak sebagai pengupaya kepada kemajuan intelektual dan insaniah. Perubahan sistem pendidikan pada hari ini terlalu jauh beza dengan pendidikan suatu ketika dahulu. Pendidikan pada hari ini lebih bertujuan melahirkan generasi yang berilmu serta mampu berfikir, bertindak dan menghasilkan sesuatu yang bermanfaat berlandaskan skop yang global dan teknologi terkini serta berupaya menangani gelombang perkembangan dan perubahan masa ini (T.Subahan & Syed Ismail, 2017).



Sistem pendidikan di Malaysia mengalami transformasi globalisasi yang menyeru masyarakat mengubah cara pemikiran dan persepsi dalam melahirkan modal insan kelas pertama bagi menghadapi cabaran globalisasi. Guru perlu bersedia menerima segala perubahan sistem pendidikan masa kini dari segi mental dan fizikal. Ini kerana guru adalah ‘penggerak utama’ yang dipertanggungjawabkan atas perubahan ini. Peranan guru sangat penting dalam melanjakkan transformasi pendidikan negara. Cabaran global kini memerlukan guru mempunyai keunggulan hasil inovasi dalam pedagogi yang ditentukan melalui kurikulum yang dilaksanakan dan sesuai dengan konteks budaya (Aminudin Mansor, 2018)

Kementerian Pendidikan Malaysia hari ini memerlukan kepakaran pedagogi dan kemahiran guru dalam meneraju proses pengajaran dan pembelajaran yang





sistematik dengan kelengkapan fasiliti yang kondusif dengan penglibatan murid yang memberangsangkan. Guru yang berjiwa pendidik perlu mempunyai kompeten dalam aspek pedagogi, kemahiran, dan sikap yang ada di dalam diri mereka. Bagi menyahut perubahan transformasi pendidikan dunia, guru perlu kreatif dan inovatif terutamanya memilih pelbagai kaedah, pendekatan, teknik dan strategi pengajaran yang menarik dan dapat melibatkan diri murid-murid. Ini dapat membantu guru mengajar dengan lebih berkesan bagi mata pelajaran yang diajar dan murid-murid yang pelbagai tahap pemikiran.

Kompetensi instruksional guru merupakan aspek utama yang perlu difokuskan sebelum merancang pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Pemilihan aktiviti yang sesuai di terapkan di dalam kelas perlu diambil kita dari segi tahap penguasaan murid-murid. Perancangan yang berkualiti dan sistematik perlu menghubungkan kaedah, teknik dan strategi pengajaran yang sesuai diterapkan di dalam kelas.

Tugas guru sebagai pemudah cara diperluaskan melalui aspek merancang PdP, pengawal suasana pembelajaran, memberi pembimbing serta dorongan dan bijak membuat penilaian terhadap pengajaran yang dilaksanakan. Perkara ini termaktub dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) bagi melahirkan murid sebagai pembelajaran aktif di dalam bilik darjah. SKPMg2 merupakan penggubalan semula SKPM 2010 iaitu dengan beberapa penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan dan proses penyampaian pendidikan. Penambahbaikan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan menyesuaikan dengan perkembangan pendidikan semasa (Shaharuddin Shariff, 2017).





Perubahan dalam sistem pendidikan yang menjurus ke arah pendidikan abad ke-21 ini berkait rapat dengan persediaan sekolah sebagai perantaraan dan platform menuju kejayaan. Oleh itu, semua pihak yang terlibat perlu mempunyai pengetahuan dan kesedaran tentang pendidikan abad ke-21 iaitu dalam paradigma sistem pendidikan tradisional ke sistem pendidikan yang kontemporari.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam abad ke-21 adalah pembelajaran berpusatkan murid dan dalam erti kata lain ialah pembelajaran koperatif. Pembelajaran koperatif didefinisikan sebagai pendekatan bekerjasama untuk memperoleh matlamat kumpulan yang tidak dicapai dengan bekerja sendirian atau secara kompetitif (Johnson, Johnson, Smith, 1991). Ia juga ditakrifkan kepada pembelajaran yang melibatkan murid di dalam kumpulan-kumpulan kecil bagi menyelesaikan masalah pembelajaran yang



05-4506832 telah distrukturkan kepada murid. Melalui kaedah pembelajaran ini, murid berinteraksi ptbupsi

secara dua hala bersama-sama ahli yang lain untuk bertukar pendapat dan idea (Shukeri Hamzah, 2012). Guru memainkan peranan penting dalam melibatkan murid sepenuhnya di dalam pembelajaran secara aktif dan berkumpulan melalui semua aktiviti sama ada di dalam kelas atau di luar kelas.

Secara umumnya, pembelajaran koperatif boleh diklasifikasikan kepada tiga jenis iaitu kumpulan koperatif formal, kumpulan koperatif tidak formal dan kumpulan koperatif asas. Kumpulan koperatif formal adalah merujuk kepada pengajaran dan pembelajaran murid yang dijalankan satu masa sesi PdP atau lebih daripada seminggu bergantung kepada tugas yang diberi. Kumpulan koperatif tidak formal adalah kumpulan yang dibentuk dalam saiz kecil bagi pengajaran dan pembelajaran hanya sebahagian daripada sesi pelajaran di dalam kelas. Pelbagai aktiviti yang boleh



diterapkan semasa pembelajaran ini dilaksanakan. (Saemah Rahman, 2017). Manakala kumpulan asas kooperatif adalah kumpulan pembelajaran kooperatif yang dijalankan dalam tempoh jangka masa panjang dengan keanggotaan yang stabil (Johnson, Johnson, & Holubec, 2013). Kesemua aktiviti ini adalah dilaksanakan di dalam satu kumpulan yang melibatkan interaksi dua hala murid dengan murid atau murid dan guru melalui aktiviti yang diberi. Guru sebagai fasilitator untuk memantau pembelajaran murid-murid.

Pembelajaran kooperatif ini sesuai di terapkan kepada semua mata pelajaran teras dan elektif di sekolah rendah khususnya bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

Anjakan 4 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menyatakan Mentransformasi Profesion Keguruan menjadi profesion pilihan di negara ini dan sekaligus menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberi tumpuan mendalam terhadap profesion perguruan. Sehubungan itu, pengetahuan instraksional guru adalah elemen penting yang perlu diberi perhatian oleh 12 pusat latihan perguruan kerana ia merupakan intipati kepada profesion perguruan yang menyumbang kepada keberkesanan pengajaran di dalam kelas (Zamri & Magdalene 2013). Namun begitu, pengajaran Pendidikan Seni Visual di Malaysia masih menggunakan kaedah pengajaran konvensional yang berbentuk monodisiplin (Soffie, 2013). Kaedah pengajaran ini diajar secara terpisah iaitu tidak menghubungkan dengan mata pelajaran lain selain mata pelajaran PSV sendiri



(Suraya, 2022). Pembelajaran seumpama ini menjadikan murid hanya menguasai satu bidang sahaja pada satu masa dan ini tidak menarik minat murid. Ia membuatkan murid menjadi bosan dan tidak dapat berkongsi idea, pengetahuan yang terhad dan kemahiran seni mereka tidak berfokus. Namun, peranan guru yang kreatif perlu mempelbagaikan kaedah, teknik dan strategi pengajaran dengan menerapkan aktiviti pembelajaran yang berpusatkan murid supaya lebih menyeronokkan.

Menerusi ucapnama Pengarah Pendidikan Negeri Johor, Tuan Haji Shaharuddin Shariff semperna Konvensyen Pembelajaran Abad Ke 21 Negeri Johor, pada 15 April 2017 adalah mengetengahkan status kesediaan pentadbir dan pendidik dalam mengharungi perubahan sistem pendidikan di Malaysia khususnya sekolah-sekolah rintis PAK21 yang terpilih bagi menjayakan sekolah *Showcase* PAK21. Pembelajaran koperatif adalah satu kaedah pembelajaran PAK21 yang diterapkan semasa pengajaran dan pemudahcaraan. Oleh itu, kejayaan sesuatu pengajaran banyak bergantung kepada faktor utama iaitu pengetahuan dan kemahiran seseorang guru itu menerapkan pembelajaran koperatif dalam aktiviti PdP PSV agar menjadi lebih menarik dan berkesan. Namun, sejauhmanakah kesediaan dan pengetahuan guru dapat mengubah cara pengajaran mereka dengan perancangan yang rapi dan tersusun dalam pengajaran dan pemudahcaraan yang menyeronokkan? Adakah guru-guru tahu istilah aktiviti pembelajaran koperatif yang di maksudkan? Bagaimana hendak melaksanakannya di dalam PdP PAK21 ini? Persoalan ini dapat diluahkan oleh beberapa guru PSV di sekolah harian melalui temu bual pra lapangan yang dijalankan (guru-guru sekitar daerah Kulai dan Johor Bahru)



Dalam analisis keperluan dijalankan oleh pengkaji, terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh mereka mengenai PAK21 ini terutama kepada guru-guru mata pelajaran PSV. Informan pertama kajian pra lapangan menyatakan beliau masih belum memahami makna Pembelajaran Abad Ke-21, cara pelaksanaan aktiviti di dalam PdP, pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif dan kesan penerapan aktiviti ini terhadap kemahiran sosial dalam kalangan murid-murid di dalam kelas.

Saya masih kabur apa itu Pembelajaran Abad Ke21.. Adakah nak guna bahan ICT dalam PdP? Apa aktiviti pembelajaran koperatif yang sesuai diterapkan? Macam mana nak kaitkan aktiviti pembelajaran koperatif dengan PSV? Sedangkan PSV ini lebih kepada amali. Saya hadiri kursus untuk DSKP PSV sahaja. Untuk kursus PAK21 ni hanya guru penyelaras

(TBI/PraLpgn.1/51216/SK1/KP)

Perkara ini disokong dengan pendapat mengatakan mata pelajaran PSV bukanlah seperti mata pelajaran yang lain kerana silibus Pendidikan Seni Visual di Malaysia banyak berfokuskan kepada penghasilan karya dan amali serta pembelajaran berpusatkan murid sepenuhnya (Ida Puteri, 2021). Agak sukar guru-guru memilih aktiviti koperatif yang sesuai.

Perkara yang sama turut diketengahkan oleh informan kedua kajian pra lapangan yang menyatakan jika guru PSV perlu mengaplikasikan pembelajaran koperatif, pada minggu mana yang sesuai diaplikasikan, aktiviti yang bagaimana perlu



diterapkan di dalam PdP PSV? Di ruang penulisan RPH yang mana sesuai dinyatakan? Adakah mencukupi masa untuk murid menguasai kemahiran seni jika aktiviti pembelajaran koperatif di terapkan? Banyak persoalan yang timbul oleh informan khususnya bagi sekolah-sekolah yang dipilih menjadi sekolah *Showcare* PAK21.

Standard kurikulum mana yang sesuai diaplikasikan aktiviti pembelajaran koperatif di dalam RPH? Peruntukkan masa bagi mata pelajaran PSV hanya selama satu jam bagi murid-murid sekolah rendah. Bagaimana kalau ada mata pelajaran muzik dalam masa yang sama PdP dilaksanakan? Tak faham saya bagaimana nak terapkan dalam PdP. Saya nak rujuk dengan siapa sedangkan pengurusan pun kurang faham.



(TB2/PraLpgn.1/2011116/SK2/KP)

Walaubagaimana pun penerimaan PAK-21 di kalangan murid masih berada pada tingkat yang rendah, guru perlulah meningkatkan kemahiran bagi menerapkan pedagogi abad ke-21 dengan aktiviti-aktiviti berfokuskan kepada murid terlebih dahulu. (Sahrir et al 2020). Namun, ada juga dikalangan guru PSV yang tidak mempunyai kesedaran tentang kepentingannya pembelajaran berasaskan aktiviti. Ini kerana kebanyakan guru Pendidikan Seni Visual masih mengamalkan pendekatan pengajaran tradisional disebabkan kurang menguasai pedagogi abad ke-21. Guru tidak yakin dan tidak mahu memperluaskan pemikiran mereka dalam pendekatan pembelajaran yang terkini (Aimi, 2017; Mohd. Sahrul & Muhamad Suhaimi Taat, 2020).





Ada sesetengah guru tidak menguasai pedagogi kemahiran PAK21 melalui aktiviti yang dijalankan. Ini kerana dalam bidang Pendidikan Seni Visual, terdapat guru yang bukan opsyen. Masalah guru bukan opsyen mengajar mata pelajaran dalam sistem kurikulum di Malaysia bukanlah sesuatu perkara yang luar biasa. Mata pelajaran seperti Pendidikan Seni Visual, Pendidikan Moral, Pendidikan Muzik serta Pendidikan Jasmani dan Kesihatan antara mata pelajaran yang dikenal pasti ramai kalangan pengajarnya bukan opsyen bidang berkenaan. Guru bukan opsyen, kurang pengalaman, pengetahuan dan kemahiran mengajar akan kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual terutamanya murid tidak minat dan bosan dengan kaedah proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. (Muhd Aizat, 2018)

Data statistik Jabatan Pelajaran Negeri Johor Bahru menunjukkan seramai 1214 orang guru bukan opsyen yang mengajar matapelajaran PSV berbanding seramai 94 guru opsyen PSV yang mengajar matapelajaran ini. Ini menunjukkan 92.81% guru-guru yang mengajar subjek PSV di daerah Johor Baharu adalah mereka yang bukan opsyen PSV. Kesan daripada jumlah guru bukan opsyen mengajar subjek PSV menimbulkan kesukaran kerana penggunaan dan penyampaian pedagogi, kaedah, strategi, dan teknik pengajaran tidak tepat semasa PdPc PAK21 dijalankan. Malah guru yang betul-betul opsyen Pendidikan Seni Visual juga tidak mampu mengajar dengan sebaik mungkin. Hal disebabkan guru yang betul-betul opsyen Pendidikan Seni Visual tidak berkesempatan untuk mengasah kreativiti dan bakat mereka disebabkan mereka terpaksa mengajar subjek yang penting untuk peperiksaan.

Hasil daripada kajian lapangan, kaedah dan strategi berpusatkan guru yang tidak kreatif dan menarik minat murid serta kurang menggunakan bahan bantu mengajar yang



lebih interaktif dan berfokuskan merupakan antara faktor yang menjadikan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual kurang diminati dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran tersebut masih rendah (Johari Hamid, 2006) dan (Sajap Maswan, 2007).

Kajian yang telah dijalankan oleh Iberahim Hassan (2000) dalam kalangan murid di beberapa buah sekolah di negara ini terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual mendapati sebahagian daripada tanggapan mereka terhadap Pendidikan Seni Visual ialah; tidak memberi faedah, membosankan kerana belajar perkara yang sama dari sekolah rendah hingga sekolah menengah dan pelajaran menyeronokkan sekiranya guru menyediakan pelajaran baru yang mencabar. Oleh itu, dengan mengaplikasikan pembelajaran koperatif abad ke 21, guru-guru boleh menerapkan pelbagai aktiviti pembelajaran koperatif di dalam PdPc PSV supaya aktiviti murid tidak membosankan dan bermanfaat.

Selain itu juga, cabaran guru pada masa kini adalah mereka tidak mampu mengejar kaedah pembelajaran abad ke 21 yang bersifat teknologi atau pendigitalan kerana murid-murid zaman kini adalah murid dari Gen-Z iaitu terdedah dengan teknologi dan cara belajar yang berbeza-beza (Mohamed Amin, 2016). Dari segi penggunaan bahan pengajaran pula, biasanya guru akan menggunakan alat bahan bantu mengajar yang dihasilkan oleh guru sendiri, misalnya hasil kerja yang dibuat oleh pelajar, buku seni, slaid, dan video (Ahmad Ghazie, 2000).

Walaupun buku teks Pendidikan Seni Visual telah diterbitkan, namun masih ada lagi kekurangan ilmu yang perlu di terapkan pada murid-murid. Ini kerana kandungan buku teks tidak dapat memenuhi semua aktiviti bagi semua bidang kurikulum

Pendidikan Seni Visual. Penggunaan bahan-bahan pengajaran lebih berfokuskan guru, di mana guru akan menyampaikan dan menjelaskan kandungan bahan pengajaran tersebut. Guru perlu peka dan bersedia dari segi kemudahan infrastruktur, kemudahan BBM, dan penggunaan teknologi kurang di tingkatkan menyebabkan pembelajaran menjadi bosan (Husni et al., 2018). Oleh yang demikian, guru perlu lebih kreatif dan kritis untuk menyusun penggunaan sumber bahan dan alat bantu mengajar sama ada dengan menggunakan IoT (*internet of things*) atau sumber bahan maujud (Nurul Ain, & Nasir Ibrahim, 2018)

Namun, dengan kaedah pembelajaran berpusatkan guru, membuatkan murid-murid tidak diberi peluang untuk menghasilkan dan meluahkan idea mereka melalui karya mereka. Ini kerana pemikiran dan kehendak mereka di sekat dan terpaksa mengikut objektif PdP yang dirancang oleh guru. Pergaulan antara rakan-rakan terbatas dan tidak berpeluang untuk berkongsi pendapat walaupun karya yang dihasilkan adalah secara individu atau berkumpulan. Pemikiran murid-murid seolah-olah seperti katak berada di bawah tempurung. Mereka kurang berkomunikasi dan malu untuk bersuara dengan melontarkan idea-idea mereka. Guru kurang kemahiran komunikasi interpersonal terhadap murid sehingga mempengaruhi keberkesanan pengajaran mereka akibat dari kemahiran komunikasi interpersonal yang lemah. (Noor Shamshinar Zakaria, Nor Azhan Norul 'Azmi & Harun Baharudin, 2019)

Selain itu juga, bagi menyahut transformasi sistem pendidikan masa kini, kemenjadian murid sangat di pedulikan. Sebelum guru menerapkan konsep 6 C kepada murid, guru perlu menguasai dahulu bagaimana konsep ini dapat diterapkan di dalam diri murid-murid. Oleh itu, dengan mengaplikasikan pembelajaran berpusatkan murid



melalui pembelajaran koperatif dalam mata pelajaran PSV, guru perlu memberi peluang dan ruang kepada murid-murid untuk bekerja dan bersama-sama di dalam kumpulan. Guru masih perlu meningkatkan pengetahuan mereka dalam sesetengah elemen PAK21 seperti pemikiran kritis dan kreativiti. (Huang dan Zanaton, 2019).

Masih terdapat masalah yang timbul disebabkan guru kurang mengalakkan kreativiti dalam PdPc dengan mengawal pembelajaran pelajar dan kurang memberi kebebasan kepada pelajar untuk mengawal pembelajaran mereka sendiri (Ghuzairy dan Mohammad Yusof, 2017). Ini disebabkan guru tidak didedahkan dengan kemahiran kritis dan kreatif kepada murid semasa PdP dilaksanakan. Guru hanya memberi arahan tanpa melibatkan kreativiti, perbincangan dua hala, aplikasi kurang praktikal dan tiada unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (Rozita et al. 2016) dan ini menyebabkan murid-murid PSV tidak dapat mengembangkan kemahiran pemikiran kritis di luar kotak pemikiran mereka.

Maka, diharapkan dengan kajian aktiviti pembelajaran koperatif ini dapat mewujudkan satu garis panduan atau rujukan kepada guru-guru bagi menambahbaik amalan instruksional guru dalam menstrukturkan aktiviti pembelajaran koperatif yang sesuai mengikut tahap penguasaan murid-murid dan menjadikan murid lebih holistik dan berdaya sains dalam arus Pendidikan Abad Ke-21 ini.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengkaji pelaksanaan guru melalui aktiviti pembelajaran koperatif PAK21 dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Seni Visual





(PSV) di sekolah rendah. Kajian ini juga adalah untuk mengukuhkan kompetensi instruksional guru terhadap perancangan awal rancangan pengajaran harian melalui pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif yang sesuai mengikut tahap penguasaan murid berdasarkan standard kandungan (SK) dan standard pembelajaran (SP) melalui DSKP PSV serta menilai implikasi aktiviti pembelajaran koperatif terhadap murid PSVsekolah rendah.

1.5 Objektif Kajian

Secara lebih spesifik, objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Mengenal pasti kompetensi instruksional guru dalam menjalankan pembelajaran koperatif Pendidikan Seni Visual sekolah rendah.
- ii. Mengenal pasti proses pelaksanaan aktiviti pembelajaran koperatif semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah.
- iii. Menilai implikasi aktiviti pembelajaran koperatif terhadap kemenjadian murid Pendidikan Seni Visual sekolah rendah.

1.6 Persoalan Kajian

- i. Bagaimanakah kompetensi instruksional guru dalam menjalankan pembelajaran koperatif Pendidikan Seni Visual sekolah rendah?



- ii. Bagaimanakah proses pelaksanaan aktiviti pembelajaran koperatif semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah?
- iii. Apakah implikasi aktiviti pembelajaran koperatif terhadap kemenjadian murid Pendidikan Seni Visual sekolah rendah?

1.7 Kerangka Konseptual

Pengkaji telah membina satu kerangka konseptual bagi tujuan menggambarkan keseluruhan proses perjalanan kajian ini. Kerangka konseptual yang dibina oleh pengkaji ini memperlihatkan tiga bahagian utama iaitu *input*, proses dan *output*. Guru Pendidikan Seni Visual sekolah rendah, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Seni Visual (PSV) dan aktiviti-aktiviti pembelajaran koperatif abad ke 21 sebagai komponen *input* yang utama. Guru PSV sekolah rendah bertindak sebagai medium perantara dalam merancang, membuat pemilihan aktiviti yang sesuai mengikut tahap penguasaan murid berdasarkan DSKP iaitu standard kandungan dan standard pembelajaran dalam melaksanakan PdP pembelajaran koperatif.


Proses utama kerangka konseptual ini adalah kompetensi instruksional guru PSV dalam menjalankan pembelajaran koperatif yang merangkumi orientasi ilmu, pemahaman konsep, perancangan awal, pelaksanaan sumber PdP dan pentaksiran PdP berdasarkan kerangka Standard Guru Malaysia (SGM) 2.0. Dalam bahagian ini, kompetensi instruksional guru PSV memainkan peranan penting dalam menghubungkan pengetahuan dan kemahiran semasa menjalankan proses



pengajaran dan pembelajarn PdP PSV. Seterusnya adalah proses pelaksanaan aktiviti pembelajaran koperatif PdP PSV dengan menghubungkan teori pembelajaran koperatif iaitu pembelajaran berpusatkan murid melalui teori konstruktivisme sosial Vygotsky, kerjasama antara murid dengan murid, murid dengan guru dan murid dengan bahan. Hal ini, dapat mengetahui kemahiran guru dalam membuat pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif yang tepat dan sesuai mengikut tahap penguasaan murid-murid. Manakala daripada pemilihan aktiviti ini, pengkaji akan menghubungkan implikasi terhadap murid-murid PSV melalui hasil karya mereka dengan kaedah pemerhatian dan dokumentasi.

Output bagi kerangka konseptual kajian ini merujuk kepada pengukuhan kompetensi instruksional guru terhadap pengukuhan kompetensi instruksional guru terhadap perancangan, pelaksanaan dan pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif yang sesuai dalam PdP PSV melalui DSKP Pendidikan Seni Visual dan Pendidikan Kesenian yang dilaksanakan guru PSV kepada murid. Segala komponem-komponen yang terdapat dalm kerangka konseptual kajian di Rajah 1.1.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual. Diadaptasi dari Smith & Keith, 1971 dalam Miles & Huberman, 1994:21



1.8 Definisi Operasional

Bagi memudahkan penjelasan untuk membantu pemahaman pembaca berikut adalah senarai istilah yang digunakan khusus dalam kajian ini.

1.8.1 Pembelajaran Koperatif

Pembelajaran Kooperatif berasal dari bahasa Inggeris iaitu "Cooperative Learning," yang bermaksud kerjasama dalam pembelajaran (Harifah et al., 2022). Pembelajaran koperatif (PK) dapat didefinisikan sebagai pendekatan berpusatkan pelajar dalam pengajaran, di mana pelajar diberikan peluang untuk berfikir secara aktif dan terlibat dalam latihan dan perbincangan bersama tentang dalam kumpulan kecil dua atau lebih pelajar untuk mencapai matlamat pembelajaran yang pasti dan dikongsi (Chen, 2022; Lu & Smiles, 2022).

Pembelajaran koperatif dalam konteks kajian ini adalah mendefinisikan pembelajaran berpusatkan murid dengan mengaplikasikan aktiviti pembelajaran koperatif yang telah di strukturkan oleh guru berdasarkan bidang dan tajuk yang terdapat di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV). Pembelajaran koperatif berlaku apabila pelajar bekerja secara berkumpulan, berkongsi idea, saling membantu untuk menyelesaikan masalah, dan memastikan semua ahli kumpulan menguasai isi pelajaran dengan di pantau oleh guru. Guru yang kreatif akan memilih aktiviti pembelajaran koperatif yang sesuai berdasarkan tahap penguasaan murid-murid tertentu.



1.8.2 Aktiviti Pembelajaran Koperatif

Dalam konteks kajian ini, aktiviti pembelajaran koperatif adalah merujuk kepada sepuluh aktiviti yang telah dicadangkan oleh bahagian pembangunan kurikulum kepada semua sekolah-sekolah dan telah pun tertulis di dalam Buku Teks Pendidikan Seni Visual. Aktiviti ini adalah berpusatkan kepada murid dan kerjasama antara ahli-ahli di dalam kumpulan.

Antara sepuluh aktiviti yang dicadangkan adalah seperti *Round Table*, *Think-Pair-Share*, *Hot Seat*, Deklamasi Sajak / Nyanyian, Pembentangan Hasil Sendiri, *Role Play*, *Gallery Walk*, *Three Stray One Stay*, *Peta i-Think* dan aktiviti lain-lain yang merangkumi pembelajaran berasaskan masalah, simulasi, kajian lapangan, stesen, eksperimen, dan inkuari penemuan (Hailmi, 2015). Walaubagaimana pun masih banyak lagi aktiviti pembelajaran koperatif yang boleh guru-guru aplikasikan mengikut kesesuaian bidang pembelajaran dan tahap penguasaan murid-murid (Norazlan, 2019)

1.8.3 Pembelajaran Abad Ke-21

Pembelajaran abad ke 21 adalah salah satu dari elemen yang penting dalam menangani perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran yang efektif tanpa melihat kembali terhadap kaedah konvensional (Ayish & Asyraf, 2019). Pembelajaran Abad Ke-21 dalam konteks kajian ini adalah satu proses pembelajaran yang berpusatkan murid berbanding guru yang perlu guru PSV terapkan. Dalam PAK21 ini guru bertindak sebagai pemudahcara yang menggalakkan penyertaan aktif murid di dalam kelas.

Walaupun dalam kajian ini, penyelidik melihat kreativiti dan inovasi guru dalam pemilihan aktiviti yang sesuai bagi menstrukturkan pembelajaran murid.

1.8.4 Pendidikan Seni Visual

Pendidikan Seni Visual dalam konteks kajian ini lebih menjurus kepada seni tampak atau visual. Terdapat empat bidang dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Seni Visual tahun 4, 5, dan 6 serta Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Kesenian tahun 1, 2, dan 3 bagi bidang Menggambar, Bidang Corak dan Rekaan, Bidang Membentuk dan Membuat Binaan dan Bidang Kraf Tradisional (KPM, 2016)

1.8.5 Kompetensi Instruksional Guru PSV

Kompetensi Instruksional dalam konteks kajian ini adalah berfokuskan kepada penguasaan pengetahuan, kemahiran untuk melakukan sesuatu dengan cekap dan jayanya dengan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk memberi pengetahuan, kemahiran dan menerapkan nilai melalui pelaksanaan, kaedah, strategi, dan teknik, dalam melakukan sesuatu tugas yang di amanahkan bagi menyampaikan pengajaran dan pembelajaran kepada murid-murid (KPM, SGM, 2023). Kompetensi instruksional guru juga akan melihat pengetahuan dan kemahiran guru perancangan, pemilihan aktiviti dan melaksanakan proses PdP PSV melalui pembelajaran koperatif.

1.8.6 Konsep 6C Dalam Pembelajaran Murid

Konsep 6C adalah merujuk kepada enam kemahiran yang perlu diterapkan dalam diri murid oleh guru-guru melalui prose pengajaran dan pembelajaran sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Antara konsep 6C yang di terapkan adalah *Creative Thinking*, *Critical Thinking*, *Collaboration*, *Character*, dan *Countrty* (KPM, KPPB). 6C dalam konteks kajian ini adalah kemahiran daripada kesan aktiviti pembelajaran koperatif terhadap murid melalui PdP PSV sekolah rendah. Murid-murid PSV bukan sahaja menghasilkan karya seni berbentuk amali tetapi nilai diri murid-murid diterapkan kemahiran bagi melahirkan memenjadian murid dalam semua aspek iaitu jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui kemahiran 6C.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini berfokuskan kepada pelaksanaan aktiviti pembelajaran koperatif melalui kompetensi instruksional guru berdasarkan proses perancangan, pelaksanaan dan pemilihan aktiviti pembelajaran kopertif yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah. Namun, tiada perubahan yang melibatkan struktur kurikulum Pendidikan Seni Visual yang sedia ada.

Kajian ini hanya memfokuskan kepada Sekolah Rintis Pembelajaran Abad Ke-21 Fasa 1 Daerah Johor Baharu yang disenaraikan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru. Pengkaji turut membuat batasan terhadap pemilihan peserta kajian dalam kaedah persampelan bertujuan iaitu di kalangan guru-guru yang mengajar mata

pelajaran PSV sama ada dari guru pentadbir, guru panitia, guru opsyen atau guru minor Pendidikan Seni Visual mengikut bidang kepakaran dan pengalaman guru mengajar. Walau bagaimanapun pengkaji hanya memilih 4 sekolah sahaja untuk di jadikan kajian. Ini kerana sekolah berkenaan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan manakala satu sekolah lagi menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar.

Pemilihan informan dalam kajian adalah dari sekitar daerah Negeri Johor Bahru kerana pengkaji terlibat secara langsung dalam setiap sesi temu bual, membuat rakaman video dan menjalankan pemerhatian. Maka tiada kekangan dari segi masa dan jarak dan hal ini membantu penyelidikan dilaksanakan mengikut perancangan, menjimatkan masa dan praktikal (Yin, 2008). Pemilihan informan dalam jumlah yang kecil, adalah disebabkan pengkaji menjalankan kajian kes secara kualitatif sepenuhnya. Proses penyelidikan dijalankan secara mendalam dan intensif. Kajian ini menggunakan tiga kaedah pengumpulan data, iaitu temubual, pemerhatian dan analisis dokumen bagi mengukuh kajian (Ruenwai, 2006; Creswell, 2009).

Pemerhatian kajian ini akan melibatkan studio seni atau bilik-bilik khas yang disediakan oleh pihak sekolah mengikut jadual waktu mata pelajaran Pendidikan Seni Visual bagi Tahap 2 dan Pendidikan Kesenian bagi Tahap 1 mengikut Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) dan Rancangan Tahunan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.

Kaedah pengumpulan data ini melibatkan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen terhadap guru dan melibatkan pemerhatian dan analisis dokumen terhadap murid. Pengkaji menggunakan pengalaman dan pembacaan untuk membuat interpretasi



berdasarkan data yang diperoleh daripada kaedah pengumpulan data yang telah dipilih serta melalui proses *peer review*. Walau bagaimanapun interpretasi dapatan kajian ini bertumpu kepada kes yang dikaji sahaja dan tidak bertujuan membuat generalisasi. Interpretasi daripada kajian ini bertujuan mengukuhkan kompetensi instruksional guru terhadap perancangan pemilihan aktiviti dan proses pelaksanaan serta kesan terhadap kemenjadian murid melalui aktiviti pembelajaran koperatif dalam PdP PSV.

1.10 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa pihak yang boleh disenaraikan untuk menjadikan kajian ini berkepentingan buat rujukan mereka dalam menjayakan dan memartabatkan Kurikulum PSV sekolah rendah iaitu berfokuskan kepada pembelajaran abad ke 21 melalui aktiviti berpusatkan murid iaitu pembelajaran koperatif. Semoga dapatan kajian ini membantu guru opsyen dan guru bukan opsyen dalam mengukuhkan kompetensi instruksional guru terhadap perancangan, pelaksanaan dan pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif yang sesuai dalam PdP. Hasil dapatan kajian akan dapat memberi manfaat menyeluruh kepada golongan penting iaitu bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah (JPN, PPD), pihak sekolah, guru-guru PSV serta murid-murid PSV.

(i) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Diharapkan kajian ini dapat membantu dalam aspek memberikan maklumat untuk menilai pelaksanaan kurikulum yang berkaitan sama ada menepati harapan negara



terhadap kemenjadian murid selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Selain itu, kajian ini berkepentingan dalam menyalurkan maklumat kepada pihak terbabit untuk menambah baik kurikulum yang sedia ada seperti memberikan pendedahan tentang perancangan PdP khususnya strategi pembelajaran berpusatkan murid bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV). Diharapkan pihak KPM dapat menganjurkan kursus serta bicara ilmiah dari aspek pengetahuan dan kepentingan penguasaan aktiviti pembelajaran koperatif dalam kalangan guru PSV.

Dalam usaha untuk membolehkan pengajaran koperatif dilaksanakan secara berkesan, dan mempunyai standard yang sama serta bersesuaian dengan kehendak Kurikulum PSV yang dibekalkan, pihak KPM perlu menggembeleng tenaga Jurulatih Utama (JU) untuk menyelarakan standard pengajaran pembelajaran koperatif PSV di sekolah-sekolah sama ada di peringkat rendah mahupun menengah. Semoga maklumat yang disampaikan oleh kajian ini dapat membantu guru membuat pilihan aktiviti pembelajaran berpusatkan murid yang sesuai mengikut tahap penguasaan mereka.

Hasil dapatan kajian ini juga dapat digunakan untuk membantu KPM dalam merancang dan menyusun kursus pembelajaran koperatif abad ke 21 secara kreatif kepada guru-guru opsyen dan bukan opsyen bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual khususnya di sekolah rendah. Pada masa yang sama juga membantu KPM menyediakan satu garis panduan untuk memilih dan menyediakan aktiviti pembelajaran koperatif PSV bagi menggalakkan budaya kreatif dalam PdPc dan memastikan guru-guru terus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Seterusnya, KPM dapat mewujudkan pembelajaran yang kreativiti dan meningkatkan kemahiran sosial di kalangan murid dan pihak-pihak yang terlibat.

(ii) Jabatan Pendidikan Negeri / Pejabat Pendidikan Daerah (JPN / PPD)

Kekuatan dan kelemahan guru dalam mengaplikasikan dan memilih aktiviti pembelajaran abad ke 21 dalam perancangan dan pelaksanaan pembelajaran koperatif boleh dijadikan justifikasi untuk Jabatan Pendidikan Negeri mahupun Daerah merancang dan menganjurkan kursus ataupun bengkel untuk meningkatkan kemahiran guru-guru PSV. Pihak-pihak ini perlu mengenal pasti golongan sasaran yang boleh dipertimbangkan dalam memastikan penyebaran maklumat kursus atau bengkel yang dianjurkan berkaitan aktiviti pembelajaran koperatif yang sesuai tercapai semasa PdPc. Contohnya seperti melatih dan melantik Ketua Bidang PSV sebagai agen penyebar maklumat berkaitan pembelajaran berpusatkan murid iaitu pembelajaran koperatif kepada semua guru PSV di sekolah.

(iii) Pihak Sekolah

Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah dalam membekalkan maklumat berkaitan pembelajaran berpusatkan murid melalui pembelajaran koperatif dalam kalangan guru PSV yang ditadbir mereka. Semoga dengan adanya kajian ini, pihak sekolah lebih peka dalam menyusun atur pembahagian subjek pengajaran PSV kepada guru yang lebih berpengetahuan dalam bidang berkenaan. Selain itu dapat mengukuhkan kompetensi instruksional guru terhadap perancangan, pelaksanaan dan pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif yang sesuai dalam PdP.

(iv) Guru-guru Pendidikan Seni Visual

Maklumat berkaitan kajian ini diharapkan dapat membantu meningkatkan pengetahuan pedagogi isi kandungan dan mengukuhkan kompetensi instruksional guru terhadap perancangan aktiviti yang sesuai mengikut tahap penguasaan murid berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), pelaksanaan proses mengikut Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dan pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif yang sesuai dengan tahap penguasaan murid dalam PdP PSV.

(v) Pelajar-pelajar:

Maklumat berkaitan kajian ini diharapkan dapat membantu guru mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran pedagogi serta kompetensi instruksional guru dalam pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif dapat melatih kepimpinan dan pemikiran murid melalui pembelajaran koperatif. Selain itu juga dapat melatih kemahiran komunikasi dalam membina kemahiran personal dan interpersonal melalui konsep 6C iaitu Critical Thinking (Pemikiran Kritis), Creative Thinking (Pemikiran Kreatif), Collaborative (Kolaborasi), Communication (Komunikasi), Character (Karakter) dan Country (Kenegaraan)

Guru membantu murid dalam melatih dan menjana idea kreatif dan inovatif, menguasai kemahiran dalam proses kreatif semasa mengaplikasikan aktiviti pembelajaran koperatif. Ia juga dapat memberi peluang kepada murid memupuk kreativiti dan meneroka sesuatu tajuk PdP PSV serta membantu murid menyelesaikan



masalah, bekerjasama berbincang dan membuat keputusan bersama-sama dalam menyempurnakan tugas secara berkumpulan.

1.11 Rumusan

Tuntasnya, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kompetensi instruksional guru terhadap perancangan, pelaksanaan dan pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif yang sesuai bagi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) di sekolah rendah. Selain itu kajian ini bagi memperkukuhkan kefahaman dan pengetahuan guru terhadap pemilihan aktiviti pembelajaran koperatif yang sesuai berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang bersesuaian dengan aktiviti empat bidang berdasarkan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP).

Keseluruhannya bab ini menghuraikan perkara-perkara yang menjadi latar belakang kajian ini. Perkara-perkara tersebut adalah berkaitan permasalahan yang menjadi titik tolak kepada pengkaji untuk menjalankan kajian. Manakala objektif, persoalan kajian dirangka berdasarkan pernyataan masalah dan kajian literatur yang berkaitan. Kesimpulan bab ini diperjelaskan dalam kerangka konseptual kajian dan kepentingan kajian yang menjadi tulang belakang dalam keseluruhan bab. Namun begitu kajian-kajian terdahulu dalam literatur dalam bab seterusnya amat penting dalam menyokong kajian ini.

